

BIL. PERMOHONAN:

- ☐ DITERIMA
☐ DITOLAK


BORANG PERMOHONAN MENYEWAKAN FLAT/RUMAH
**PERATURAN BAGI MENYEWAKAN RUMAH/FLAT
 DI BAWAH KAWALAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memegang kad pengenalan pintar berwarna kuning sahaja.
2. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan dengan lengkap bagi setiap satu (1) alamat rumah/flat yang dipohonkan.
3. Jika Pemilik Rumah adalah lebih dari seorang, sila isikan borang permohonan yang berlainan bagi setiap seorang bagi setiap satu (1) alamat rumah/flat yang ditawarkan.
4. Borang permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pemilik Rumah sendiri.
5. Sila sertakan surat lantikan yang disahkan oleh Jabatan Kehakiman Negara Brunei Darussalam jika pengurusan penyewaan dilaksanakan oleh wakil (tidak termasuk penandatanganan Perjanjian Penyewaan).
6. Rumah/Flat yang ditawarkan hendaklah terletak di Daerah Brunei-Muara sahaja.
7. Rumah/Flat yang ditawarkan hendaklah mempunyai minima tiga (3) buah bilik tidur.
8. Syarat tanah hendaklah daripada Perumahan Am sahaja -- Merujuk kepada penyelarasan Jabatan Tanah yang berkuatkuasa mulai 2^{hb} Januari 2025.
9. Rumah/Flat yang ditawarkan hendaklah memenuhi Syarat-Syarat Penyewaan (Lampiran A).
10. Setiap permohonan hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut:-
 - ☐ Satu (1) salinan kad pengenalan pintar Pemilik Rumah seperti dalam Geran Tanah (Pastikan ianya tidak mansuh);
 - ☐ Dua (2) salinan Geran Tanah atas nama Pemilik Rumah;
 - ☐ Satu (1) salinan Slip Penomboran Rumah-Rumah dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan;
 - ☐ Satu (1) salinan Surat Kebenaran Memiliki Tanah dari Jabatan Perdana Menteri bagi Pemilik Rumah yang berkhidmat dengan Kerajaan;
 - ☐ Satu (1) salinan Surat Kebenaran Pinjaman Kewangan daripada Kementerian Kewangan, Lembaga Kemajuan Ekonomi, Bank dan lain-lain (Jika berkenaan);
 - ☐ Dua (2) set cetakan gambar TERKINI luar rumah (Sudut depan, kanan & kiri dan belakang);
 - ☐ Satu (1) set gambar TERKINI bahagian luar dan dalam rumah menggunakan CD atau *pendrive*;
 - ☐ Dua (2) salinan pelan lantai rumah dalam saiz asal yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa;
 - ☐ Satu (1) salinan Kesiapan Kemajuan/Kebenaran Mendiami dari Autoriti Kawalan Bangunan Dan Industri Pembinaan (ABCI), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) atau Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (TCP);
 - ☐ Satu (1) salinan Surat Kebenaran dari Autoriti Kawalan Bangunan Dan Industri Pembinaan (ABCI) jika terdapat perubahan/ubahsuaian/tambahan ke atas rumah tersebut;
 - ☐ Rumah yang berusia melebihi 30-tahun, perlu menghadapkan satu (1) salinan Surat Pengesahan Berserta Laporan dari syarikat yang berkenaan yang berdaftar dengan Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS) Brunei bagi:-
 - Integriti struktur rumah; dan
 - Integriti pendawaian elektrik rumah.
11. Permohonan akan ditolak dan dikembalikan jika pemohon gagal untuk melengkapkan borang permohonan, gagal untuk menyertakan mana-mana dokumen dan/atau gagal untuk memenuhi syarat-syarat penyewaan (Lampiran A).

A. KETERANGAN PEMOHON

1. NAMA PEMOHON :

2. NO. KPP. :

3. PEKERJAAN :

4. ALAMAT TETAP :

5. ALAMAT
PERSURATAN :

6. NO. TELEFON :

7. EMEL :

B. KETERANGAN RUMAH/FLAT YANG DITAWARKAN UNTUK DISEWA

1. Sila rujuk Geran Tanah

LOT :

EDR : BD / MD

2. Sila rujuk Slip Penomboran Rumah-Rumah dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan

NO. RUMAH : BLOK _____, TINGKAT _____, NO. _____

SIMPANG :

JALAN :

KAMPUNG :

MUKIM :

3. Sila rujuk Kesiapan Kemajuan/Kebenaran Mendiami dari Autoriti Kawalan Bangunan Dan Industri Pembinaan

TARIKH KEBENARAN :

4. SEJARAH PENYEWAAN

☐ TIDAK PERNAH DISEWAKAN

☐ PERNAH DISEWAKAN, KEPADA:-

☐ KERAJAAN - KEMENTERIAN/JABATAN :

☐ SWASTA - SILA NYATAKAN :

☐ LAIN-LAIN - SILA NYATAKAN :

TARIKH MULA DISEWAKAN :

TARIKH PENYEWAAN TAMAT :

SEBAB DITAMATKAN :

5. PEMBIAYAAN PEMBINAAN MENGGUNAKAN

☐ SKIM PINJAMAN KEWANGAN PERUMAHAN (SPKP), KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

☐ PINJAMAN BANK

☐ LAIN-LAIN PEMBIAYAAN (SILA NYATAKAN) :

C. PENGAKUAN PEMOHON

1. SAYA SUAMI / ISTERI KEPADA PEMOHON :

☐ TIDAK MENDIAM I MANA-MANA PERUMAHAN KERAJAAN

☐ MENDIAM I PERUMAHAN KERAJAAN DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN/JABATAN:-

SILA NYATAKAN : _____

ALAMAT : _____

3. SYARAT-SYARAT PENYEWAAN TELAH DIPENUHI DAN DILENGKAPKAN

☐ TIDAK

☐ YA

2. RUMAH INI DITAWARKAN KEPADA KEMENTERIAN/JABATAN LAIN SELAIN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

☐ TIDAK

☐ YA, SILA NYATAKAN : _____

DENGAN INI, SAYA MENGAMBIL MAKLUM BAHAWA PIHAK KERAJAAN TIDAK TERIKAT UNTUK MENYEWAK RUMAH/FLAT YANG DITAWARKAN DAN SAYA MENGAKU BAHAWA SEGALA KETERANGAN DI ATAS ADALAH BENAR.

TANDATANGAN PEMOHON

TARIKH

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN

- ☐ Memasang salah satu dari **sistem penjagaan keselamatan** berikut:-
 - ☐ Pagar besi keselamatan (Minima: Pintu dan jendela tingkat bawah);
 - ☐ Televisyen litar tutup (CCTV); atau
 - ☐ Sistem penggera keselamatan.
- ☐ Menyediakan **rel langsir** yang bersesuaian (*curtain rail*)
- ☐ Menyediakan **kipas angin** di:-
 - ☐ Bilik tidur utama (*master bedroom*);
 - ☐ Bilik-bilik tidur lain;
 - ☐ Ruang tamu (*living room*); dan
 - ☐ Ruang makan (*dining room*).
- ☐ Menyediakan **alat pemanas air** (*water heater*) di bilik tidur utama (Kapasiti minima: 50L)
- ☐ Menyediakan **tempat jemuran pakaian** (*clothesline*)
- ☐ Menyediakan **peralatan pemadam api**:-
 - ☐ *Fire blanket*; dan
 - ☐ *Powder fire extinguisher* (Kapasiti minima: 2-3KG).
- ☐ **Cat dinding** luar dan dalam rumah termasuk pagar batu berkeadaan bersih dan memuaskan
- ☐ **Tidak ada kerosakan** di dalam dan luar rumah termasuk pagar keliling
- ☐ **Kawasan sekeliling** bangunan/rumah bersih dan memuaskan
- ☐ **Jalan** menuju ke bangunan/rumah berkeadaan baik
 - ☐ Konkrit bagi jalan di dalam kawasan bangunan/rumah; dan
 - ☐ Memadai batu bagi jalan simpang menuju ke kawasan bangunan/rumah.
- ☐ Memasang **pagar** (ketinggian minima: 1.5mtr) yang berkedaan baik di sekeliling bangunan/rumah
- ☐ Menyediakan **peti surat**
- ☐ Menyediakan **tangki air** (Kapasiti minima: 1,000L) dan **pam bermotor**
- ☐ Memastikan terdapatnya **bekalan air** dengan:-
 - ☐ Tekanan air yang memuaskan; dan
 - ☐ Tidak ada kebocoran pada sistem perpaipan termasuk kepala paip, hos dan lain-lain.
- ☐ Memastikan terdapatnya **bekalan elektrik** dengan:-
 - ☐ Bekalan yang konsisten; dan
 - ☐ Tidak ada kerosakan pada suis, soket, lampu, kipas dan lain-lain.
- ☐ Menyediakan alat **perabot** asas:-
 - ☐ Satu (1) set sofa (Minima untuk 7-orang)
 - ☐ Satu (1) meja tengah
 - ☐ Dua (2) meja sudut
 - ☐ Satu (1) rak buku
 - ☐ Satu (1) meja belajar
 - ☐ Satu (1) kerusi untuk meja belajar
 - ☐ Satu (1) set meja makan (Minima untuk 6-orang)
 - ☐ Satu (1) katil untuk bilik tidur utama (Saiz minima: *Queen size bed*)
 - ☐ Satu (1) almari pakaian
 - ☐ Satu (1) meja solek
 - ☐ Satu (1) kerusi/bangku untuk meja solek
 - ☐ Satu (1) katil untuk setiap satu bilik-bilik tidur lain (Saiz minima: *Single bed*)
 - ☐ Satu (1) *cooking stove* (Minima: 2-tungku)
- ☐ Menyediakan **tiang bendera** (*Flag Pole*)